

DBKL sita, rampas pelbagai barangan penjaja kaki lima

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan tindakan terhadap 12 premis yang dikesan menjalankan perniagaan sehingga menghalang tempat awam di sekitar Chow Kit, Jalan Leboh Pasar, Jalan Dewan Sultan Sulaiman dan Jalan Sultan Azlan Shah Jalan Ipoh di sini.

Selain itu, DBKL turut mengenakan tindakan kompaun terhadap penjaja tanpa lesen.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, operasi tindakan khas pindah halangan ke atas premis dan penjaja itu dijalankan menerusi Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Bukit Bintang.

“Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melaksanakan 12 kes sitaan di bawah peruntukan Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit Bangunan 1974.

“Antara barangan yang disita adalah kanopi, gerai keluli tahan karat, kerusi, meja plastik dan lain-lain peralatan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, sejumlah enam notis kompaun telah dikeluarkan di bawah UUK 3 (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan



ANGGOTA DBKL menyita gerai yang menghalang laluan awam di Kuala Lumpur kelmarin.

Penjaja (WPKL) 2016.

“Barangan dan peralatan yang disita, dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan se-

lanjutnya.

“Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.